



**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**  
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan  
Bukit Damansara  
50490 Kuala Lumpur  
MALAYSIA



Tel: +603-2083 4000  
Faks: +603-2083 4100  
Portal Rasmi: [www.skm.gov.my](http://www.skm.gov.my)

Ruj. Kami : SKM.IP.(AM): 929/56 SJ. 1 JILID 29 (29)  
Tarikh : 22 April 2026

## Kepada Ketua Jabatan Yang Berkenaan

Tuan

### **PENGIKTIRAFAN CUTI TANPA REKOD KEPADA PERWAKILAN KOPERASI UNTUK MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD BAGI TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) mengambil maklum bahawa **Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)** akan mengadakan **Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan** bagi tahun 2026 seperti butiran di bawah:

Tarikh	:	27 Jun 2026 (Sabtu)
Masa	:	9.00 pagi – 6.00 petang
Kaedah Mesyuarat	:	Secara hibrid (fizikal dan atas talian)
Tempat	:	Auditorium ANGKASA, Tingkat 2, Wisma Ungku A.Aziz Jalan SS 6/1, Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya, Selangor

3. Untuk makluman, ANGKASA merupakan koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya dan kehadiran pegawai Kerajaan yang merupakan perwakilan koperasi merupakan suatu keperluan bagi mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan di bawah seksyen 37 Akta Koperasi 1993.

Ruj. Kami : SKM.IP.(AM): 929/56 SJ. 1 JILID 29 (29)  
Tarikh : 22 April 2026

4. Sehubungan itu, Ketua Jabatan yang berkenaan boleh mengikut budi bicara dan tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dalam Jabatan untuk **menimbang dan meluluskan** pemberian Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai dan kakitangan yang selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 – Ceraian SR.5.7.1 Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kelompok dan Perkara 8 Menghadiri Aktiviti Koperasi dengan rujukan kepada SR.5.7.1(A) Syarat Khusus dan Tempoh Cuti Tanpa Rekod Kelompok. Pemberian Cuti Tanpa Rekod hendaklah mengambil perhatian bagi perkara berikut:


- (a) Kelulusan pemberian permohonan Cuti Tanpa Rekod bagi setiap pegawai tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan;
- (b) Pegawai masih mempunyai baki Cuti Tanpa Rekod Kelompok;
- (c) Pegawai maklum bahawa tempoh cuti bagi pemberian Cuti Tanpa Rekod Kelompok adalah termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am; dan
- (d) Kemudahan pemberian Cuti Tanpa Rekod ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti).

5. Dikemukakan perkara ini untuk perhatian jua.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HAJAH NORHAYATI BINTI AHMAD ZAINURI)**  
Pegarah Statutori dan Pendaftaran  
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Ruj. Kami : SKM.IP.(AM): 929/56 SJ. 1 JILID 29 (29)

Tarikh : 20 April 2026

**PENGIKTIRAFAN CUTI TANPA REKOD KEPADA PERWAKILAN KOPERASI  
UNTUK MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN  
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD BAGI TAHUN 2026**

---

s.k.

- i. YBrs. Ketua Pegawai Eksekutif
- ii. Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia)
- iii. Pengarah  
Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus  
*(Tuan dipohon untuk membuat pemantauan yang sewajarnya mengenai perkara ini)*